



AmFIRST

Real Estate Investment Trust

AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

[Ditubuhkan di Malaysia di bawah Surat Ikatan bertarikh 28 September 2006 (Surat Ikatan Asal) (sebagaimana dipinda melalui Surat Ikatan Ditambah Disemak dan Dinyatakan Semula bertarikh 15 Disember 2006 (Surat Ikatan Pertama), Surat Ikatan Kedua bertarikh 13 September 2013 (Surat Ikatan Kedua) dan Surat Ikatan Ketiga bertarikh 12 Jun 2020 (Surat Ikatan Ketiga)) ditandatangani di antara AmREIT Managers Sdn Bhd dan Maybank Trustees Berhad, syarikat-syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965]

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETIGABELAS

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan yang Ketigabelas (MAT Ketigabelas) bagi Pemegang Unit AmFIRST Real Estate Investment Trust (AmFIRST REIT) akan diadakan di Mahattan 11, Tingkat 14, Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur, No. 1 Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, Malaysia pada hari Isnin, 11 Ogos 2025 pada jam 10.00 pagi atau pada mana-mana penangguhannya bagi mempertimbangkan dan jika bersesuaian, akan diluluskan dengan atau tanpa mengubahsuai resolusi yang dinyatakan di dalam Notis ini.

URUSAN BIASA

- (1) Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2025 AmFIRST REIT bersama dengan Laporan Pemegang Amanah dan Juruaudit.

URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati sesuai, untuk meluluskan resolusi yang berikut:-

- (2) **CADANGAN PEMBERIAN KUASA UNTUK MEMPERUNTUKKAN DAN MENERBITKAN UNIT-UNIT BAHARU SELARAS DENGAN PERENGKAN 6.59 KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (CADANGAN PEMBERIAN KUASA)** **RESOLUSI BIASA NO. 1**

"BAHAWA selaras dengan syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan kelulusan dari pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak berkenaan, di mana diperlukan, Lembaga Pengarah AmREIT Managers Sdn Bhd (Pengurus) (Para Pengarah) adalah dan dengan ini diberikan kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan Unit-unit baharu dalam AmFIRST REIT (Unit-unit Baharu) dari semasa ke semasa kepada orang-orang tertentu dan untuk tujuan-tujuan tertentu menurut budi bicara mutlak Para Pengarah seperti yang dianggap wajar dan demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT dan pemegang Unit, dengan syarat bahawa bilangan agregat Unit-unit terbitan baharu, apabila diagregatkan dengan bilangan Unit-unit yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini, tidak melebihi 20% daripada jumlah bilangan Unit AmFIRST REIT sedia ada yang diterbitkan pada ketika ini.

DAN BAHAWA Cadangan Pemberian Kuasa ini akan berkuatkuasa dan terus berkuatkuasa daripada tarikh penerimaan semua kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan atau tarikh pemegang Unit meluluskan resolusi ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian, sehingga:

(a) tamat Mesyuarat Agung Tahunan pemegang Unit yang seterusnya, di mana kuasa ini akan luput, melainkan dilanjutkan melalui satu resolusi yang diluluskan dalam mesyuarat tersebut; atau

(b) tamat tempoh di mana Mesyuarat Agung Tahunan pemegang Unit yang seterusnya diwajibkan oleh undang-undang untuk diadakan; atau

(c) Cadangan Pemberian Kuasa ini dibatalkan atau diubah oleh pemegang Unit dalam mesyuarat pemegang Unit.

Mengikut mana-mana yang berlaku terlebih dahulu;

DAN BAHAWA Unit-unit baharu yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini akan, atas peruntukkan dan terbitan bertaraf sama rata dalam semua aspek dengan Unit-unit sedia ada, kecuali bahawa Unit-unit baharu tidak akan berhak kepada sebarang pendapatan yang boleh diagihkan, hak-hak, manfaat, kelayakan dan/atau lain-lain pengagihan yang mungkin diisytiharkan sebelum tarikh peruntukkan dan terbitan Unit-unit baharu tersebut.

DAN BAHAWA Para Pengarah dan Maybank Trustees Berhad (Pemegang Amanah), yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan kepada resolusi ini dengan penuh untuk menyetujui sebarang syarat, variasi, modifikasi dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah anggap adalah demi kepentingan terbaik pemegang Unit AmFIRST REIT, dan untuk berurusan dengan semua perkara berhubung dengannya dan untuk mengambil semua langkah dan melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap perlu atau sesuai untuk melaksanakan, memuktamadkan dan menguatkuasakan sepenuhnya resolusi ini.

DAN SELANJUTNYA BAHAWA kuasa dengan ini diberikan kepada Para Pengarah dan Pemegang Amanah, yang bertindak bagi pihak AmFIRST REIT, untuk melaksanakan segala langkah dan melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara dalam apa jua cara (termasuk menandatangani sebarang dokumen yang mungkin diperlukan) sebagaimana yang difikirkan perlu atau wajar oleh mereka untuk melaksanakan, memuktamadkan, menyempurnakan dan memberi kesan sepenuhnya kepada Cadangan Pemberian Kuasa ini."

Dengan Perintah Lembaga Pengarah

AmREIT Managers Sdn Bhd

No. Pendaftaran 200601011214 (730964-X)

Pengurus bagi AmFIRST Real Estate Investment Trust

Chan Sau Leng (MAICSA 7012211) (SSM PC No.: 202008002709)

Ruzeti Emar Binti Mohd Rosli (LS0010372) (SSM PC No.: 202008000974)

Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

16 Jun 2025

NOTA PENERANGAN:

- (A) **Nota kepada Urusan Biasa - Penyata Kewangan Diaudit**

Agenda ini adalah bertujuan untuk perbincangan sahaja dan tidak memerlukan persetujuan yang rasmi daripada pemegang Unit. Oleh yang demikian, ianya tidak akan dikemukakan bagi undian.

- (B) **Nota kepada Resolusi Biasa No. 1 – Cadangan Pemberian Kuasa untuk Memperuntukkan dan Menerbitkan Unit-unit Baharu Selaras dengan Perengkan 6.59 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad**

Resolusi Biasa No. 1, sekiranya diluluskan, akan memberi Para Pengarah dari tarikh MAT Ketigabelas yang akan datang, kuasa untuk memperuntukkan dan menerbitkan sehingga dua puluh peratus (20%) daripada jumlah bilangan Unit AmFIRST REIT sedia ada yang diterbitkan buat masa ini, jika dan apabila ada keperluan atau peluang perniagaan timbul yang mana pada pandangan Para pengarah anggap adalah demi kepentingan AmFIRST REIT. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan luput pada mesyuarat agung yang akan datang.

NOTA-NOTA:-

1. **Pemegang Unit yang Layak untuk menyertai MAT Ketigabelas**

Bagi tujuan menentukan pemegang Unit yang layak untuk menyertai MAT Ketigabelas, AmFIRST REIT akan memohon kepada Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan Rekod Pemegang Deposit bertarikh 4 Ogos 2025. Hanya pemegang Unit yang namanya disenaraikan di dalam Rekod Pemegang Deposit AmFIRST REIT pada 4 Ogos 2025 sahaja yang layak untuk menyertai MAT Ketigabelas atau melantik proksi untuk menghadiri, mengundi dan bersuara bagi pihak mereka di dalam MAT Ketigabelas.

2. **Proksi**

(i) Pemegang Unit yang layak untuk hadir dan mengundi pada MAT Ketigabelas adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada pemegang Unit atau bukan) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Tidak akan ada sekatan berkenaan dengan kelayakan proksi. Proksi yang dilantik untuk hadir dan mengundi pada MAT Ketigabelas akan mempunyai hak-hak yang sama dengan pemegang Unit untuk bersuara pada MAT Ketigabelas.

(ii) Di mana pemegang Unit melantik dua (2) proksi, pelantikan tersebut adalah tidak sah melainkan jika pemegang Unit menetapkan pembahagian pemegangan Unitnya yang akan diwakili oleh setiap proksi di dalam instrumen pelantikan proksi.

(iii) Di mana pemegang Unit adalah sebuah perbadanan, wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya adalah berhak untuk hadir dan mengundi di MAT Ketigabelas dan adalah berhak untuk melantik orang lain (sama ada pemegang Unit atau tidak) sebagai proksinya untuk hadir dan mengundi. Instrumen pelantikan proksi hendaklah secara bertulis ditandatangani oleh pelantik atau peguam/wakilnya yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, borang proksi hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan itu atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam/wakil yang diberi kuasa sewajarnya.

(iv) Sekiranya pemegang Unit adalah nomini yang dibenarkan sebagaimana ditakrif di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi untuk setiap akaun sekuriti yang dipegang dengan Unit-unit AmFIRST REIT yang dikredit ke akaun sekuriti tersebut.

(v) Sekiranya pemegang Unit AmFIRST REIT adalah nomini diberi kuasa yang dikecualikan yang memegang Unit AmFIRST REIT

untuk beberapa pemilik bersama di dalam satu akaun sekuriti (Akaun Omnibus), tidak ada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh nomini diberi kuasa yang dikecualikan untuk setiap Akaun Omnibus yang dipegang.

- (vi) **Pelantikan Proksi boleh dibuat secara borang fizikal atau melalui kaedah elektronik seperti berikut:**

Secara Borang Fizikal

Borang Proksi secara fizikal hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya yang diberi kuasa secara bertulis, atau sekiranya pelantik adalah sebuah syarikat, hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan atau ditandatangani oleh pegawainya atau peguam yang diberi kuasa.

Borang Proksi hendaklah dihantar ke pejabat Pendaftaran Saham AmFIRST REIT di Boardroom Share Registrars Sdn Bhd di Tingkat 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa MAT Ketigabelas atau mana-mana penangguhannya.

Melalui Kaedah Elektronik

Borang Proksi boleh dikemukakan:

(a) kepada Pendaftar Saham AmFIRST REIT, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd melalui e-mel ke barhelopsdesk@boardroomlimited.com, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa MAT Ketigabelas atau mana-mana penangguhannya; atau

(b) melalui kaedah elektronik (e-Proksi) melalui Boardroom Smart Investor Portal (BSIP) dengan log masuk dan memilih "Submit e-Proxy Form" di bawah "AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST 13TH ANNUAL GENERAL MEETING" dari senarai mesyuarat, tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa MAT Ketigabelas atau mana-mana penangguhannya (sila rujuk Panduan Pentadbiran untuk maklumat lanjut mengenai penghantaran melalui e-Proksi).

3. **Pendaftaran Pemegang Unit/Proksi**

Pendaftaran dibuka mulai tarikh Notis MAT Ketigabelas pada hari Isnin, 16 Jun 2025. Sila ikut prosedur pendaftaran yang dinyatakan dalam Panduan Pentadbiran bagi MAT Ketigabelas.

4. **Pengundian**

Selaras dengan Perengkan 8.29A(1) syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, resolusi yang dinyatakan dalam Notis MAT Ketigabelas akan diputuskan melalui pengundian secara poll. Pentadbir Poll dan Pemeriksa Bebas akan dilantik untuk mengendalikan proses e-pengundian dan mengesahkan keputusan undian. Setelah sesi pengundian bagi MAT Ketigabelas selesai, Pemeriksa Bebas akan mengesahkan dan mengumumkan keputusan undian, diikuti oleh pengisytiharan oleh Penguusi mesyuarat sama ada resolusi telah diluluskan dengan sewajarnya.

5. **Privasi Data Peribadi**

Dengan mendaftar dan/atau mengemukakan instrumen pelantikan Proksi dan/atau wakil, Pemegang Unit telah memberikan keizinan untuk penggunaan data tersebut bagi tujuan pemprosesan dan pentadbiran oleh AmFIRST REIT (atau ejen-ejenjnya); serta bagi mematuhi mana-mana undang-undang, syarat-syarat penyenaraian, peraturan dan/atau garis panduan yang berkenaan. Pemegang Unit bersetuju bahawa beliau akan menanggung rugi AmFIRST REIT terhadap sebarang penalti, liabiliti, tuntutan, permintaan, kerugian dan kerosakan yang timbul akibat pelanggaran jaminan oleh Pemegang Unit.